

03 OCT 2002

Ong-Rumah (Bergambar)

MAJLIS DAERAH DIARAH KENAL PASTI TAPAK PERUMAHAN RAKYAT

KOTA TINGGI, 3 Okt (Bernama) -- Semua majlis daerah dikehendaki mengenal pasti tapak yang sesuai bagi membina rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dikendalikan oleh Jabatan Perumahan Negara, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Majlis-majlis daerah di seluruh negara dikehendaki berbuat demikian berikutan keputusan Kerajaan Persekutuan pada Februari lepas supaya Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dijadikan sebagai PPR Dimiliki.

"Di bawah PPR, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara akan membangunkan rumah kos rendah dan pemilihan pembeli akan dibuat melalui sistem pendaftaran terbuka berkomputer," katanya ketika merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Majlis Daerah Seluruh Malaysia di Desaru, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata rumah PPR Dimiliki akan dijual pada harga antara RM25,000 dan RM35,000 mengikut kawasan dan peraturan akan dikenakan untuk membolehkan pembiayaan akhir daripada bank atau institusi kewangan bagi pembeliannya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Lokman Hakim Mohd Jasan.

Ong berkata harga rumah PPR Dimiliki bagi Sabah dan Sarawak boleh dinaikkan tidak melebihi 20 peratus daripada harga bagi Semenanjung.

Majlis-majlis Daerah boleh mengemukakan cadangan projek PPR Dimiliki jika terdapat permintaan di kawasan masing-masing manakala bagi projek PPR Disewa pula boleh dicadangkan jika terdapat keperluan untuk menempatkan setinggan.

"Cadangan lengkap hendaklah dikemukakan kepada Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing sebelum dihantar kepada Urusetia Jawatankuasa Teknikal, Jabatan Perumahan Negara," katanya.

Ong juga mahu semua Majlis Daerah menjadi lebih mesra peniaga dan pelabur serta menjadi fasilitator membantu mempercepatkan dan memudahkan kelulusan permohonan mereka tanpa melalui proses yang rumitkan sehingga mereka lari ke negara lain.

"Sekiranya ini berlaku sudah tentu negara akan kehilangan pendapatan hasil daripada pelaburan mereka," katanya kepada 350 orang Yang Dipertua, Setiausaha dan wakil Majlis-majlis Daerah dari seluruh negara pada mesyuarat tiga hari itu.

Ong berkata peranan sektor swasta dalam pertumbuhan ekonomi negara sangat penting dan Majlis-majlis Daerah perlulah bersikap "mesra perniagaan" dan bekerjasama erat dengan mereka.

Beliau juga meminta semua Majlis Daerah mengambil tindakan tegas terhadap penempatan setinggan di tanah rezab kerajaan dan tanah milik persendirian dari awal lagi sebelum ia menimbulkan pelbagai masalah khasnya yang melibatkan pendedahan asing.

Bagi membendung masalah itu kerajaan telah mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan menubuhkan pasukan petugas khas bagi memantau penempatan haram itu.

Beliau juga mengingatkan semua Majlis Daerah mengenai teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap kegiatan mengorek jalan oleh pelbagai agensi bagi kerja masing-masing tetapi tidak diturap semula.

"Keadaan ini, termasuk lubang `manhole' yang tidak ditutup semula bukan

saja mencatatkan pemandangan tetapi membahayakan pengguna jalanraya. Semua Majlis Daerah hendaklah bertindak segera menampal jalan yang dikorek," tambahnya.

-- BERNAMA

MNY PR